



MOHD. MOKHTAR (dua dari kanan) melihat pelbagai jenis dadah yang dirampas di IPD Johor Bahru semalam.

Lima ditahan proses, edar dadah

Kosmo 8/9/09 MS 16

JOHOR BAHRU - Polis berjaya menumpaskan sindiket memproses dan mengedar dadah apabila menahan lima lelaki termasuk seorang rakyat Singapura dalam empat serbuan di sekitar bandar raya ini mulai Selasa hingga Jumaat lepas.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff berkata, polis merampas pelbagai jenis dadah, wang tunai dan kenderaan yang kesemuanya bernilai RM1 juta dalam serbuan di empat rumah di Jalan Kebun Teh, Pangsapuri Skudai Villa, Taman Universiti dan Pangsapuri Kip Park.

"Dadah yang dirampas memba-

bitkan 4.53 kg heroin, 6.51 kg serbuk dipercayai ekstasi, 3,744 biji pil ekstasi dan 240 gram syabu. Polis turut menemui pelbagai peralatan memproses dan mencetak pil ekstasi," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini semalam.

Mohd. Mokhtar berkata, wang tunai yang dirampas melibatkan RM53,950, S\$17,000 (RM39,900) dan Rupiah 7.9 juta (RM2,800) manakala kenderaan pula membabitkan dua kereta dan sebuah motosikal.

Beliau berkata, kejayaan menumpaskan sindiket itu adalah selepas penahanan seorang lelaki Singapu-

ra dan seorang lelaki tempatan di sebuah rumah di Jalan Kebun Teh pada Selasa sebelum menahan tiga lagi lelaki dan merampas pelbagai dadah dalam tiga serbuan susulan.

Mohd. Mokhtar berkata, sindiket yang dipercayai beroperasi sejak Oktober tahun lepas itu disyaki memasarkan dadah mereka di sekitar bandar raya ini, Batam dan Tanjung Balai, Indonesia serta Singapura.

Beliau berkata, kesemua mereka yang ditahan itu berumur antara 36 dan 53 tahun dan mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan dadah. - Bernama